

27 FEB 1997

Mahathir-Thailand

KEMASUKAN PEKERJA ASING MESTI IKUT UNDANG-UNDANG, KATA PM

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Malaysia memerlukan pekerja asing tetapi kemasukan dan kehadiran mereka mestilah mengikut undang-undang negara ini dan peraturan yang diadakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Dr Mahathir telah mengambil kesempatan menyatakan kedudukan Malaysia mengenai pendatang asing tanpa izin dalam ucapannya di majlis makan malam meraikan Perdana Menteri Thai Chavalit Yongchaiyudh di Seri Perdana.

"Oleh itu kami sangat menghargai kerjasama yang dihulurkan oleh sahabat dan jiran baik seperti Thailand bagi mencegah kemasukan pendatang asing ke Malaysia," kata beliau.

Chavalit yang sedang mengadakan lawat rasmi ke Malaysia selama dua hari petang tadi berbincang dengan Dr Mahathir mengenai isu-isu dua hala dan serantau di pejabat Perdana Menteri di sini.

Lawatan Chavalit itu adalah sebahagian dari acara rasmi tradisi Perdana Menteri Thailand yang baru dilantik untuk menemui rakan sejawatannya di negara-negara Asean sejak mengambil alih dari Banharn Silpa-Archa.

Dr Mahathir yang mengucapkan tahniah kepada Chavalit di atas perlantikannya itu, berkata beliau gembira kerana seorang yang "dikenali dan sahabat kepada Malaysia" sedang menerajui negara jiran, Thailand yang mempunyai hubungan erat sekian lama dengan Malaysia.

Katanya beliau gembira kerana perdagangan dua hala antara kedua-dua negara telah meningkat dari AS\$3.8 bilion pada tahun 1994 ke AS\$4.9 bilion tahun lepas, pertambahan sebanyak 28.4 peratus.

Namun begitu, kata Dr Mahathir, tahap pelaburan antara kedua-dua negara belum lagi mencapai ke paras yang memuaskan walaupun dengan adanya banyak peluang dan insentif. Beliau berharap supaya bidang kerjasama ini dapat diperbaiki.

"Terdapat keperluan membentuk hubungan strategik antara usahawan-usahawan dan pemimpin industri kita untuk mewujudkan perkongsian dalam pembangunan ekonomi, bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat serantau dan global," kata beliau.

Dalam ucapan balasnya, Chavalit bersetuju supaya kedua-dua negara berkerjasama sebagai jiran terdekat dan rakan kongsi yang berkesan.

"Kita perlu berpegangan tangan dan menghulurkannya untuk membantu negara-negara lain di rantau ini," katanya.

Beliau mensifatkan perbincangannya dengan Dr Mahathir petang tadi sebagai membina dan membuahkan hasil.

Chavalit berkata beliau berharap untuk menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Asean di Kuala Lumpur akhir tahun ini. -- BERNAMA

AZZ WAT